

Harga barang berpatutan, tak wajar naikkan caj

Kuala Lumpur: Peralatan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) kedai gunting rambut dan dandan rambut boleh didapati pada harga berpatutan, sekali gus meniadakan kewajaran pengusahanya menaikkan caj tambahan berlipat ganda.

Ia membabitkan pelitup dan pelindung muka bagi dewasa dan kanak-kanak, apron dan sarung tangan pakai buang serta cecair pensanitasi tangan.

Tinjauan BH di sebuah pusat beli-belah di ibu negara mendapati, peralatan berkenaan dijual dalam pelbagai bentuk di farmasi dan sebahagian besar kedai serbaneka, selain dipercayai tidak membebankan pengusaha perkhidmatan berkenaan.

Pelitup muka kategori tiga lapisan bagi saiz dewasa dijual antara RM70 hingga RM75 sekotak dan pada peringkat pembekal pula bernilai antara RM60 hingga RM75 sekotak, manakala untuk ukuran kanak-kanak

(RM75 sekotak).

Bagi pelindung muka saiz dewasa dijual pada harga antara RM11 hingga RM16 sekeping dan pada peringkat pembekal RM8 sekeping, manakala ukuran kanak-kanak (RM9.90 sekeping).

Cecair pensanitasi tangan dengan isi padu 500 mililiter dijual antara RM30 hingga RM40, manakala harga pada peringkat pembekal antara RM30 hingga RM40.

Apron pakai buang dijual antara RM5.90 bagi tiga keping, manakala peringkat pembekal ia dinagakan RM28 bagi 100 keping.

Selain itu, sarung tangan pakai buang dijual dalam dua varian berlainan, masing-masing diperbuat menggunakan getah lateks atau nitril dengan setiap kotak mempunyai 100 keping.

Sarung tangan getah nitril biasanya digunakan bagi kerja membabitkan bahan kimia di sektor industri kerana lebih tebal dan kuat berbanding lateks, se-



Tinjauan di kedai mendapati peralatan SOP untuk gunting rambut dijual pada harga berpatutan. (Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

lain boleh dicuci beberapa kali serta sesetengahnya disaluti serbuk bagi mengelak daripada melekat pada permukaan kulit.

Sementara sarung tangan getah lateks pula hanya boleh digunakan sekali kerana strukturnya lebih nipis dan tidak boleh dibasuh, selain harganya lebih murah berbanding getah nitril.

Bagi sarung tangan getah nitril

dijual antara RM23.90 hingga RM27 sekotak, manakala pada peringkat pembekal ia dinagakan pada harga RM20 hingga RM45 sekotak, bergantung ketebalan, jenama dan pengeluaran.

Sarung tangan getah lateks pula dijual antara RM18.90 hingga RM20 sekotak, manakala pada peringkat pembekal antara RM18 hingga RM25 sekotak.